PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Current Account-i. Be sure to also read the Specific Terms and Conditions for Foreign Currency Current Account-i. Kindly seek clarification from AmBank Islamic Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms stated herein.	**AmBank Islamic Berhad** **Foreign Currency Current Account-i ("FCA-i")**

1. What is this product about?

Foreign Currency Current Account-i ("FCA-i") is a deposit product based on Shariah contract of Commodity *Murabahah (Tawarruq)*. The product offers Customer with profit return and it is covered by Malaysia Deposit Insurance Corporation ("PIDM").

2. What is the Shariah contract applicable?

- The Shariah contract applicable is Commodity *Murabahah* via *Tawarruq* arrangement. *Tawarruq* refers to tri-partite arrangement on purchasing and selling of commodity. It consists of two sale and purchase contracts where the first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis and the subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.

- Shariah principles of *Murabahah*, *Wakalah* and *Hamish Jiddiyyah* incorporated with *Wa'd* are also applied in this arrangement.

- *Murabahah* (Cost plus Mark-Up Contract) means a sale and purchase of an asset where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser.

- *Wakalah* (Agency Contract) means a contract in which a party mandates another party as his agent to perform a particular task in matters that may be delegated voluntarily or with imposition of fee. Under the *Wakalah* contract, the Customer appoints AmBank Islamic ('the Bank') as agent to purchase and sell the Shariah compliant commodities at specified time on behalf of the Customer. The Customer will appoint the Bank to purchase the commodity on his/her behalf and thereafter sell the commodity to the Bank (via the Bank acting as his/her agent) at the Selling Price.

- *Hamish Jiddiyyah* (Security Deposit) refers to a security deposit placed by the Bank as security for the undertaking to purchase the commodity before the execution of sale and purchase contract. It is only applicable when there is any Net Incremental of deposit during the final day of the month whereby the purchase commodity will only be conducted on the next day.

- *Wa'd* (Undertaking/Promise) is a promise or undertaking, refers to an expression of commitment given by the Bank to the Customer to perform certain action(s) in the future.

- *Bai' Sarf* (Foreign Currency Exchange) shall also be applied where currency conversion from one currency type to the desired currency type i.e Malaysian Ringgit to Foreign Currency, from Foreign Currency to Malaysian Ringgit or Foreign Currency to Foreign Currency or Malaysian Ringgit warrants.

How the arrangement works?

i. Upon account opening, you appoint the Bank as your agent to purchase Shariah-compliant Commodity from any third party and thereupon to sell the Commodity to the Bank.

ii. The Bank acting as your agent, will purchase the Commodity on your behalf (upon receipt of deposited monies) at a Purchase Price equivalent to Net Incremental. You are entitled to request and take physical delivery of the Commodity at your own cost and expense.

iii. The Bank will thereafter on its own capacity purchase the Commodity from you at the Selling Price comprising the said Purchase Price and Ceiling Profit which shall be paid to you upon maturity.

iv. The Bank may thereafter sell the Commodity to a third party.

- The sale and purchase contracts in the *Tawarruq* arrangement will be executed upon initial placement of deposit, when there is any Net Incremental of deposit and during deposit renewal upon end of tenure.

- The type of asset used in this product is the Shariah-compliant commodity traded in a platform approved by the Bank which includes and but not limited to crude palm oil, oleo chemicals, rubber, cocoa and soya products or such other acceptable commodities (excluding *ribawi* items in the category of medium of exchange such as currency, gold and silver).

3. What do I get from this product?

- The Customer will receive the Profit Credited return on monthly basis. The Profit Credited will be computed based on Effective Profit Rate (EPR) which will be published by the Bank from time to time as per the following formula:
  Profit Credited = End of Day ("EOD") Balance x EPR x $\frac{\text{No. of Days}}{365 \text{ or } 366 \text{ or } 360}$
- No Debit/ ATM Card will be issued to customer.
- Customer will receive monthly account statement and yearly *Tawarruq* Notice statement.
- Extended banking hours at selected branches.
- Competitive return.
- Account information at your fingertips with Internet banking facility.

- Illustration of the Profit Computation, *Ibra'* (Rebate) and *Hamish Jiddiyah* (Security Deposit):

Ceiling Profit Rate (CPR) = 5% p.a.
Effective Profit Rate (EPR) = 0.3% p.a.
Amount of initial deposit = AUD10,000
Date of deposit = 24 December 2017

Trading Date	Deposit (+)/Withdrawal (-) (AUD)	Net Incremental/ Purchase Price (AUD) (a)	EOD Balance (AUD) (b)	No. of Remaining Days (c)	Profit Credited (AUD) (b x EPR x No. of Days/365 or 366)	Ceiling Profit (AUD) (a x CPR x c/365 or 366)	Selling Price (AUD) (a + Ceiling Profit)	*Hamish Jiddiyah* (AUD)
24/12	+10,000	10,000	10,000	8	0.08	10.96	10,010.96	
25/12	-	-	10,000	7	0.08	-	-	-
26/12	+5,000	5,000	15,000	6	0.12	4.11	5,004.11	-
27/12	-2,000	-	13,000	5	0.11	-	-	-
28/12	+3,000 -1,500	1,500	14,500	4	0.12	0.82	1,500.82	-
29/12	+1,000 -2,000	-	13,500	3	0.11	-	-	-
30/12	-	-	13,500	2	0.11	-	-	-
31/12	+3,000	+3,000	16,500	1	0.14	0.41	3,000.41	**0.02**
Total					**0.87**	**16.30**		

Profit Credited will be credited to your account on monthly basis and if there is *Hamish Jiddiyah* (Security Deposit), the amount will be earmarked until the completion of the *Tawarruq* trading. The Profit Credited will be computed on daily basis, based on EPR.

The total of daily Profit Credited amounting to AUD0.86 will be credited to your account at the end of the month.

Hamish Jiddiyah (Security Deposit) amount of AUD0.02 will also be credited into your account, but the amount is earmarked until the completion of *Tawarruq* trading.

On 31 December 2017, total amount of *Ibra'* (Rebate) given by the Customer to the Bank is AUD15.41 on 31 December 2017 calculated as follows: Total Profit calculated based on CPR for the year – Total Accrued Profit for the year.

Ibra' (Rebate) = AUD16.30 – AUD0.87 – AUD0.02 = AUD15.41

Type of Accounts	Features and Benefits
Foreign Currency Current Account-i	<u>Eligibility:</u> ➢ Corporate ➢ SME ➢ Government and Government related body only. ➢ Individuals. (including joint) ➢ Sole proprietor ➢ Partnership ➢ Professional, associations, societies, clubs, schools and religious bodies. <u>Minimum Initial Deposit:</u> ➢ Nil <u>Benefits:</u> ➢ Unlimited deposits and withdrawals ➢ No minimum balance required.

4. What are the other key terms and conditions of this product that I should know?

- The appointment of the Bank as an agent under the *Wakalah* contract shall be terminated upon account closure and withdrawal of all the deposits and/or credit balance in the account. Further, the Bank shall pay the outstanding Selling Price i.e. deposit amount and accrued profit (if applicable), taking into consideration the applicable rebate, if any, to the Customer on the Termination Date.

- The Bank hereby grants the Customer an undertaking to purchase the Commodity from the Customer (upon completion of the earlier purchase transaction of the Commodity by the customer) at an agreed Selling Price (Purchase Price + Ceiling Profit) determined upon placement of deposit, subject to the Specific Terms & Conditions.

- The Ceiling Profit shall be computed based on the following formula:
  Ceiling Profit = Purchase Price x CPR x $\frac{n}{365 \text{ or } 366 \text{ or } 360}$
  Where;
  Purchase Price= amount equivalent to the Customer's Net Incremental which will be used to purchase a commodity on trading day.
  CPR= Ceiling Profit Rate which will be determined by the Bank
  n= Remaining number of days for the year

- *Hamish Jiddiyyah* (Security Deposit) shall be computed based on the following formula:
  Security Deposit = Net Incremental x EPR x $\frac{n}{365 \text{ or } 366 \text{ or } 360}$
  Where;
  n = number of days prior to the commodity trading that consequently occurs prior to Profit Crediting Date.
  Net Incremental = positive difference of the daily deposit minus the daily withdrawal

- The Customer agrees to provide rebate on the Selling Price to the Bank in any of the following event:
  - Withdrawal of the funds prior to the Maturity Date; or
  - Upon termination or account closure prior to Maturity Date; or
  - If there is a difference between CPR and EPR at Maturity Date.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

- Fees and charges as tabulated below are part of the fees and charges. For details of fees and charges, kindly refer to www.ambank.com.my→Rates, Fees and Charges→AmBank Islamic Fees & Charges:

Fees & Charges	Amount
Annual Fee	MYR50.00
Hardcopy Statement	MYR1.00
Reprinting of Statement	MYR10.00
Other charges	Other remittance charges will apply as per current remittance charges e.g. RENTAS charges

Note:

- The fees or charges quoted are inclusive of the prevailing Taxes. Should there be any change in the Taxes rate or applicability on any fees or chargers due to the changes, the Bank has the right to change the amount payable.

- If there are any changes to the fees and charges, we will communicate to you at least twenty one (21) calendar days prior to the effective date of such changes being implemented.

6. What are the risks involved?

The customer shall experience the typical risks associated with conducting a deposit transaction with any banking institution. If the customer seeks for assistance due to any materialized risks, please refer to the contact details below.

7. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. Inform us of any changes in your contact details by visiting any of our branches or call our Contact Centre.

8. Where can I get further information?

Website	www.ambank.com.my
Contact Centre	+603 2178 8888 Email: customercare@ambankgroup.com P.O. Box 12617 50784 Kuala Lumpur, Malaysia
General Banking Info Website	www.bankinginfo.com.my

9. Who should I contact for further information or to lodge a complaint?

a) For internal dispute resolution, you may contact the Bank's Contact Centre:

Via phone to : +603-2178 8888

Via email to : customercare@ambankgroup.com

b) If you are dissatisfied with the outcome of the internal dispute resolution process, please refer your dispute to the BNM TELELINK
Via phone to : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Via fax to : +603-2174-1515
Via email to : bnmtelelink@bnm.gov.my
Via letter to : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur, Malaysia

10. Other AmBank Islamic Current Account-i products available:

Commodity *Murabahah* Current Account-i

The information provided in this Product Disclosure Sheet is valid as April 2018.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih produk Akaun Semasa-i. Pastikan juga anda membaca Terma dan Syarat Khusus Akaun Semasa Mata Wang Asing-i. Sila dapatkan penjelasan daripada AmBank Islamic Berhad jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am yang dinyatakan di sini.	**AmBank Islamic Berhad** **Akaun Semasa Mata Wang Asing-i ("FCA-i")**

1. Apakah produk ini?

Akaun Semasa Mata Wang Asing-i (" FCA- i ") ialah produk deposit berasaskan kontrak Syariah Komoditi *Murabahah (Tawarruq)*. Produk ini menawarkan Pelanggan dengan pulangan keuntungan dan ia dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

2. Apakah kontrak Syariah yang digunapakai?

- Kontrak Syariah yang digunapakai adalah *Komoditi Murabahah* melalui aturan *Tawarruq*. *Tawarruq* merujuk kepada dua kontrak jual beli yang mana yang pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertangguh dan jualan yang berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.

- Prinsip Syariah *Murabahah*, *Wakalah*, dan *Hamish Jiddiyyah* yang digabungkan dengan *Wa'd* juga digunakan dalam aturan ini.

- *Murabahah* (Kontrak Kos tambah Untung) bermaksud jual beli aset di mana kos pembelian dan untung dinyatakan kepada pembeli.

- *Wakalah* (Kontrak Agensi) merujuk kepada suatu kontrak di mana satu pihak memberi mandat kepada pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugasan tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan secara sukarela atau dengan bayaran. Di bawah kontrak *Wakalah*, pelanggan melantik AmBank Islamic ('Bank') sebagai ejen untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah pada masa yang ditetapkan bagi pihak pelanggan. Pelanggan akan melantik Bank untuk membeli komoditi bagi pihaknya dan selepas itu menjual komoditi kepada Bank (melalui Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan) pada Harga Jualan.

- *Hamish Jiddiyyah* (Deposit Sekuriti) merujuk kepada deposit sekuriti yang diletakkan oleh Bank sebagai cagaran bagi aku janji untuk membeli komoditi itu sebelum pelaksanaan kontrak jual beli. Ia hanya terpakai apabila terdapat apa-apa penambahan bersih deposit semasa hari terakhir bulan di mana pembelian komoditi hanya akan dijalankan pada hari yang berikutnya.

- *Wa'd* (Aku Janji / Janji) adalah janji atau aku janji, merujuk kepada ungkapan komitmen yang diberikan oleh Bank kepada pelanggan untuk melakukan tindakan tertentu pada masa akan datang.

- *Bai' Sarf* (Pertukaran Mata Wang Asing) hendaklah juga digunakan jika penukaran mata wang dari satu jenis mata wang kepada jenis mata wang yang diingini, sebagai contoh Ringgit Malaysia kepada Mata Wang Asing, dari Mata Wang Asing kepada Ringgit Malaysia atau Mata Wang Asing kepada Mata Wang Asing atau waran Ringgit Malaysia.

Bagaimana aturan Tawarruq berlaku?

i. Semasa membuka akaun, anda melantik Bank sebagai ejen anda untuk membeli komoditi yang mematuhi Syariah dari mana-mana pihak ketiga dan sesudah itu menjual komoditi tersebut kepada Bank.

ii. Bank bertindak sebagai agen akan membeli Komoditi bagi pihak anda setelah menerima wang bagi Harga Pembelian yang bersamaan dengan Penambahan Bersih. Anda berhak untuk meminta dan mengambil penghantaran fizikal komoditi pada kos dan perbelanjaan anda sendiri.

iii. Bank akan selepas itu atas kapasiti sendiri membeli Komoditi daripada anda pada Harga Jualan yang terdiri daripada Harga Pembelian dan Keuntungan Siling yang akan dibayar kepada anda apabila matang.

iv. Bank selepas itu boleh menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.

- Jualan dan kontrak pembelian dalam susunan *Tawarruq* akan dilaksanakan semasa penempatan permulaan deposit, apabila terdapat Penambahan Bersih deposit dan semasa pembaharuan deposit pada akhir tempoh.

- Jenis aset yang digunakan dalam produk ini adalah komoditi patuh Syariah yang didagangkan dalam platform yang diluluskan oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad seperti minyak sawit mentah, oleo kimia, getah, koko dan produk soya atau komoditi lain yang diterima (kecuali barangan *ribawi* di dalam kategori alat pertukaran seperti matawang, emas dan perak).

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Pelanggan akan menerima pulangan Keuntungan Yang Dikreditkan pada setiap bulan. Keuntungan Yang Dikreditkan akan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (KKE) yang akan diterbitkan oleh Bank dari semasa ke semasa seperti formula berikut:

  $$\text{Keuntungan Yang Dikreditkan} = \text{Baki Hari Akhir} \times \text{KKE} \times \frac{\text{Bilangan Hari}}{365 \text{ atau } 366 \text{ atau } 360}$$

- Tiada Kad Debit / ATM akan dikeluarkan kepada pelanggan.
- Pelanggan akan menerima penyata akaun bulanan dan penyata Notis *Tawarruq* tahunan.
- Waktu perbankan dipanjangkan di cawangan terpilih.
- Pulangan yang kompetitif.
- Maklumat Akaun di hujung jari anda dengan kemudahan perbankan Internet.

- Ilustrasi pengiraan keuntungan, *Ibra* '(Rebat) dan *Hamish Jiddiyah* (Deposit Sekuriti):

  Kadar Keuntungan Siling (KKS) = 5% setahun
  Kadar Keuntungan Efektif (KKE) = 0.3% setahun
  Jumlah permulaan deposit = AUD10,000
  Tarikh deposit = 24 Disember 2017

Tarikh Perdagangan	**Simpanan (+) / Pengeluaran (-) (AUD)**	**Peningkatan Bersih/Harga Pembelian (AUD) (a)**	**Baki Hari Akhir (AUD) (b)**	**Bilangan Hari Berbaki (c)**	**Pengkreditan Keuntungan (AUD) (b x KKE x 1/365 or 366)**	**Keuntungan Siling (AUD) (a x KKS x c/365 or 366)**	**Harga Jualan (AUD) (a + Keuntungan Siling)**	**Hamish Jiddiyah (AUD)**
24/12	+10,000	10,000	10,000	8	0.08	10.96	10,010.96	
25/12	-	-	10,000	7	0.08	-	-	-
26/12	+5,000	5,000	15,000	6	0.12	4.11	5,004.11	-
27/12	-2,000	-	13,000	5	0.11	-	-	-
28/12	+3,000 -1,500	1,500	14,500	4	0.12	0.82	1,500.82	-
29/12	+1,000 -2,000	-	13,500	3	0.11	-	-	-
30/12	-	-	13,500	2	0.11	-	-	-
31/12	+3,000	+3,000	16,500	1	0.14	0.41	3,000.41	**0.02**
Jumlah					**0.87**	**16.30**		

Keuntungan Yang Dikreditkan akan dikreditkan ke akaun anda pada setiap bulan dan jika terdapat *Hamish Jiddiyah* (Deposit Sekuriti), jumlah tersebut akan diperuntukkan sehingga selesai perdagangan *Tawarruq*. Pengkreditan Keuntungan akan dikira setiap hari berdasarkan KKE.

Jumlah Keuntungan Yang Dikreditkan harian sebanyak AUD0.87 akan dikreditkan ke akaun anda pada akhir bulan.

Hamish Jiddiyah (Deposit Sekuriti) berjumlah AUD0.02 juga akan dikreditkan ke dalam akaun tetapi jumlah tersebut akan diperuntukkan sehingga selesai perdagangan *Tawarruq*.

Pada 31 Disember 2017, jumlah *Ibra*' (Rebat) yang diberikan oleh pelanggan kepada Bank adalah AUD15.41 pada 31 December 2017 berdasarkan dibawah: Agregat Keuntungan Siling - Agregat Keuntungan Yang Dikreditkan.

Ibra' (Rebat) = AUD16.30 – AUD0.87 – AUD0.02= AUD15.41

-

Jenis Akaun	**Ciri-ciri dan Faedah**
Akaun Semasa Matawang Asing-i	Kelayakan: ➢ Korporat ➢ SME ➢ Kerajaan dan badan berkaitan Kerajaan sahaja. ➢ Individu (termasuk akaun bersama). ➢ Syarikat Pemilik Tunggal ➢ Syarikat Perkongsian ➢ Professional, Persatuan, Kelab, Sekolah dan Badan Keagamaan Deposit Permulaan Minimum: ➢ Tiada Manfaat : ➢ Deposit tanpa had dan pengeluaran ➢ Tiada baki minimum diperlukan

4. Apakah terma dan syarat utama lain mengenai produk ini yang harus saya ketahui?

- Pelantikan Bank sebagai ejen di bawah kontrak *Wakalah* akan ditamatkan sesudah akaun ditutup dan pengeluaran semua deposit dan/atau baki kredit dalam akaun. Di samping itu, Bank akan membayar Harga Jualan tertunggak iaitu jumlah deposit dan keuntungan terakru (jika berkenaan), dengan mengambil kira rebat berkaitan, jika ada, kepada pelanggan pada Tarikh Penamatan.

- Bank dengan ini memberi pelanggan suatu aku janji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan (apabila selesai transaksi awal pembelian Komoditi oleh pelanggan) pada Harga Jualan yang dipersetujui (Harga Belian + Keuntungan Siling) yang ditentukan semasa penempatan deposit, tertakluk kepada Terma & Syarat-syarat Khusus.

- Keuntungan Siling akan dikira berdasarkan formula berikut:
  Keuntungan Siling = Harga Belian x KKS x $\frac{n}{365 \text{ atau } 366 \text{ atau } 360}$
  Yang mana;
  Harga Belian = jumlah yang bersamaan dengan Penambahan Bersih yang akan digunakan untuk membeli komoditi pada hari perdagangan.
  KKS = Kadar Keuntungan Siling yang akan ditentukan oleh Bank
  n = bilangan baki hari bagi tahun tersebut

- *Hamish Jiddiyyah* (Deposit Sekuriti) akan dikira berdasarkan formula berikut:
  Deposit Sekuriti = Penambahan Bersih x KKE x $\frac{n}{365 \text{ atau } 366 \text{ atau } 360}$
  di mana,
  n = bilangan hari sebelum dagangan komoditi yang berlaku sebelum Tarikh Pengkreditan Keuntungan.
  Penambahan Bersih = perbezaan positif deposit harian selepas ditolak pengeluaran harian

- Pelanggan bersetuju memberi rebat ke atas Harga Jualan kepada Bank dalam mana-mana keadaan berikut:
  - Pengeluaran dana sebelum Tarikh Matang;
  - Selepas penamatan atau penutupan akaun sebelum Tarikh Matang; atau
  - Jika terdapat perbezaan antara KKS dan KKE pada Tarikh Matang.

5. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

- Yuran dan caj seperti yang dinyatakan di bawah adalah sebahagian daripada yuran dan caj. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj. Sila rujuk kepada www.ambankgroup.com.my→Rates, Fees and Charges→AmBank Islamic Fees & Charges:

Fi & Caj	Amount
Fi Tahunan	RM50.00
Pernyataan Tahunan	RM1.00
Mencetak Semula Pernyataan	RM1.00
Caj Lain-Lain	Caj remitan lain akan dikenakan seperti caj remitan semasa e.g. caj RENTAS

Nota:

- Sebut harga yuran atau caj yang dinyatakan adalah termasuk Cukai. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada kadar Cukai atau kebolehpakaian Cukai atas mana-mana yuran atau caj, pihak Bank berhak untuk mengubah jumlah yang perlu dibayar.

- Sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam yuran dan caj, pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh perlaksanaan tersebut dikuatkuasakan.

6. Apakah risiko yang terlibat?

Pelanggan akan mengalami risiko biasa yang berkaitan dengan melaksanakan transaksi deposit dengan mana-mana institutsi perbankan. Sekiranya pelanggan memerlukan pembelaan dan bantuan yang disebabkan oleh sebarang risiko-risiko nyata, sila rujuk kepada maklumat di bawah.

7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran peribadi bagi memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Maklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda dengan melawat mana-mana cawangan kami atau menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan kami.

8. Di manakah boleh saya dapati maklumat lanjut?

Laman Web	www.ambank.com.my
Pusat Perhubungan Pelanggan	+603 2178 8888 Emel: customercare@ambankgroup.com Peti Surat 12617 50784 Kuala Lumpur, Malaysia
Laman Web Maklumat Perbankan Am	www.bankinginfo.com.my

9. Siapa yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

a) Untuk penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank:

Melalui telefon : +603-2178 8888

Melalui emel : customercare@ambankgroup.com

b) Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk kepada BNM TELELINK
Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Melalui faks : +603-2174-1515
Melalui emel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur, Malaysia

10. Produk-produk Akaun Semasa-i AmBank Islamic lain yang tersedia:

Komoditi Murabahah Akaun Semasa-i

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah pada April 2018.